



Disediakan oleh : Nurazrina Abdul Rahman

Majlis Perasmian Kompleks Pusat Pengajian KUKUM

Kompleks Pusat Pengajian KUKUM telah dirasmikan dengan jayanya oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Shahidan bin Kassim pada 11 Mei 2004. Hampir 1000 orang jemputan telah bersama-sama memeriahkan majlis sambutan yang terdiri daripada Ketua-ketua Jabatan negeri Perlis, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, jemputan media, penduduk setempat dan kakitangan-kakitangan KUKUM.

Y.A.B. Menteri Besar Perlis dalam ucapan perasmian melahirkan rasa bertuah di atas kehadiran KUKUM yang merupakan universiti sulung di Perlis yang bukan sekadar membuka peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk negeri Perlis tetapi telah bersama-sama membantu kerajaan negeri Perlis menjana ekonomi tempatan dan meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan. Beliau turut mengalu-alukan sumbangan yang berterusan yang

boleh diberikan oleh KUKUM kepada kerajaan negeri Perlis.

Sempena upacara perasmian ini, 6 buah pusat pengajian KUKUM, dan Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan telah bersama-sama mengadakan pameran kepada tetamu-tetamu jemputan yang secara tidak langsung mendekatkan lagi KUKUM kepada masyarakat negeri Perlis. Y.A.B Menteri Besar bersama tetamu-tetamu jemputan turut dibawa melawat Pusat Pengajian Mikroelektronik yang merupakan pusat pengajian yang pertama ditubuhkan di KUKUM bagi melengkapkan lagi perasmian dan lawatan Y.A.B Menteri Besar Perlis.

Kompleks Pusat Pengajian ini mempunyai 2 buah blok yang menempatkan 6 Pusat Pengajian yang menawarkan 10 program Ijazah Sarjana Muda termasuk Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan

yang menawarkan kursus-kursus wajib universiti, kursus opsyen dan ko-kurikulum. Kompleks ini menempatkan pejabat pentadbiran pusat-pusat pengajian dan pensyarah-pensyarah secara berpusat.

Kewujudan kompleks pengajian ini diharap mampu menjadi perantara antara pensyarah dan pelajar-pelajar bagi memudahkan perhubungan dan interaksi di antara mereka bagi melahirkan bakal jurutera yang berkemahiran dan berkemampuan tinggi.

